

PANDUAN RINGKAS TUNTUTAN

Nota Penting:

- Maklumat berikut berfungsi sebagai panduan. Etiqa Life Insurance Berhad/ Etiqa Family Takaful Berhad (Etiqa) berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan atau untuk melihat salinan dokumen asal jika perlu.
- Salinan dokumen mestilah diperakui sebagai salinan sebenar oleh pihak yang berkuasa sebelum anda menyerahkan borang tuntutan kepada Etiqa


Tip Ringkas untuk Pembayaran Tuntutan Pantas

Di Etiqa, kami berusaha untuk memberikan anda pengalaman tuntutan yang cepat dan mudah.. Berikut adalah tip ringkas yang akan membolehkan kami memberikan perkhidmatan kepada anda dengan lebih baik:

- ✔ Ketahui manfaat dan perlindungan insurans/ takaful anda.
- ✔ Baca dan fahami segala maklumat atau dokumen yang diperlukan untuk menyokong tuntutan anda.
- ✔ Sila memastikan semua dokumen yang diperlukan telah diisi dengan tepat, disahkan & ditandatangani oleh pihak yang berkenaan
- ✔ Sila memastikan Kad Pengenalan Orang yang Diinsuranskan/ Dilindungi seperti MyKad, Kad Tentera atau Kad Polis telah disahkan.
- ✔ Sila memastikan untuk memuat naik SEMUA dokumen yang diperlukan bersama eTuntutan anda.
- ✔ Sediakan maklumat akaun bank dan perhubungan orang yang dilindungi/diinsuranskan yang terkini dan tepat.

Bagaimanakah cara untuk membuat tuntutan?

Membuat tuntutan hanya di hujung jari anda untuk pengalaman tuntutan yang cepat dan mudah. Menggunakan eTuntutan dan ikuti langkah-langkah mudah yang berikut:



Nota Penting:

1. Tempoh masa untuk kelulusan tuntutan adalah tujuh (7) hari bekerja bermula dari tarikh Penilai Tuntutan menerima maklumat lengkap & laporan wajib
2. Bayaran tuntutan akan dibuat secara terus ke akaun bank pilihan anda

Senarai Semak Dokumen

Senarai Semak berikut adalah panduan untuk penyerahan eTuntutan dan Etiqa berhak meminta maklumat lanjut atau lain-lain dokumen sekiranya perlu:

- ✔ Salinan Kad Pengenalan Orang yang Diinsuranskan/ Dilindungi yang telah disahkan benar
- ✔ Salinan Asal Kontrak Polisi/ Sijil Takaful
- ✔ Penyakit Kritikal (Kanser) - Penyata Pemeriksa Perubatan (*Rujuk di <https://www.etiqa.com.my/v2/claims/life-family>*)
- ✔ Keputusan Ujian Diagnostik atau Laporan Perubatan*
*Nota: Hasil Ujian Diagnostik atau Laporan Perubatan adalah antaranya yang termasuk tetapi tidak terhad kepada Laporan Histopatologi/ Biopsi, Laporan Aspirasi Sumsum tulang, Imbasan CT, Laporan MRI dan lain-lain.
- ✔ Surat Persetujuan untuk Pengeluaran Laporan Perubatan

Lain-lain Pertanyaan?



Hubungi Pegawai Tuntutan Kami di talian **1-300-13-8888**